

## **KEHIDUPAN BURUH INDIA LADANG DI TANAH MELAYU, 1900-1941**

### *THE LIFE OF ESTATE INDIAN LABOUR IN MALAYA, 1900-1941*

**Parameswari Krishnan\***  
**Universiti Selangor (UNISEL)**

**J.Hinduja Jayer Raman \*\***

#### **Abstrak**

Kedatangan orang India ke Tanah Melayu telah membawa suatu perubahan besar dalam kehidupan mereka. Majoriti buruh Tamil yang datang ke Tanah Melayu terlibat dalam industri perladangan sama ada getah atau kelapa. Sebahagian besar buruh-buruh ini terdiri daripada buruh-buruh ladang, sementara yang lainnya pula terlibat dengan pekerjaan lain sama ada sebagai buruh dengan jabatan-jabatan kerajaan, lombong, kerani dan sebagainya. Perbincangan dalam topik ini akan memberikan perhatian terhadap kehidupan sosial masyarakat India di ladang dengan tumpuan kepada aspek layanan buruk, tekanan kerja, pengambian todi, kasta, kemudahan asas, tempat kediaman, kesihatan, agama, gaji, aktiviti masa lapang dan sebagainya. Penekanan terhadap isu-isu tersebut amat penting kerana majoriti buruh tinggal di kawasan ladang berbanding bandar. Kajian ini juga penting disebabkan ia berasaskan kepada sumber primer terutama rekod Pejabat Kolonial dan pelbagai laporan tahunan yang meliputi Tanah Melayu.

**Kata kunci:** Tamil labour, Estet, Perladangan, British, Kolonial, Tanah Melayu

#### **Abstract**

*The arrival of Indians in Malaya has brought a big change in their lives. The majority Tamil labourers who came to Malaya in the plantation industry involved either in rubber or coconut fields. Most of these workers are estate workers, while others are involved in other occupations such as workers in government departments, mines, clerks and so on. The discussion on this topic will focus on the social life of the Indian people in the field with a focus on the aspects of bad service, work pressure, occupation, caste, basic facilities, living quarters, health, religion, pay, leisure activities and so on. It is very important to emphasis on this issue as the majority of workers live in rural areas rather than in cities. This study is also important because it is based on primary sources, especially the Colonial Office records and annual reports covering a wide range of Malaya.*

**Keywords:** Tamil labour, Estate, Plantation, British, Colonial, Malaya

#### **Pengenalan**

Secara umumnya, kehidupan harian serta tingkah laku sesebuah masyarakat mempunyai hubungan yang rapat dengan persekitaran di mana mereka tinggal. Masyarakat yang menetap di sebuah ladang misalnya akan terikat dengan peraturan-peraturan yang terdapat di ladang tersebut sama ada yang telah diatur secara formal oleh pihak pengurusan ladang mahupun secara tidak formal yang telah ditentukan oleh anggota masyarakat itu sendiri. Ini bermakna, untuk memahami pembabitian masyarakat India di ladang, amat penting untuk memahami kehidupan sosial

masyarakat serta aktiviti harian mereka terlebih dahulu.

Makalah ini akan memberi tumpuan khusus kepada kehidupan sosial masyarakat India di kawasan perladangan di Tanah Melayu.<sup>1</sup> Meskipun isu kemasukan orang India ke Tanah Melayu dan penetapan mereka di kawasan ladang bukanlah satu perkara yang baru dan pernah disentuh oleh para pengkaji sebelum ini, namun satu aspek yang dirasakan sangat signifikan adalah melihat kembali kepada latar belakang masyarakat ladang dengan berpandukan sumber-sumber yang masih belum diguna oleh pengkaji-pengkaji lepas. Selain itu, daripada jumlah buruh India berhijrah itu sebahagian besar daripadanya adalah dalam kalangan mereka yang menerima tekanan dari pihak atasan di India. Keadaan ini menyebabkan golongan ini merasakan bahawa mereka hanya akan mendapat kehidupan yang lebih baik sekiranya mereka berhijrah ke Tanah Melayu. Oleh sebab sebahagian besar daripada masyarakat India yang berhijrah ke Tanah Melayu adalah dari kalangan mereka yang buta huruf dan tidak berpendidikan, maka mereka begitu mudah dieksploitasi oleh majikan yang mempunyai kepentingan tersendiri dan juga golongan yang menjana ladang. Tanpa disedari, keinginan untuk lari dari tekanan di India sebenarnya telah menyebabkan mereka terjebak ke dalam 'perangkap' kehidupan ladang yang mempunyai peraturan yang agak ketat.

Secara keseluruhannya, kajian ini penting bagi memahami aspek kehidupan orang India di kawasan ladang yang secara langsung telah membawa kepada pembentukan masyarakat India ladang serta beberapa aspek kehidupan sosial mereka yang lain.

### **Situasi Buruh India di Ladang**

Secara khusus, masyarakat India ladang dalam kajian ini merujuk kepada buruh India yang bekerja di ladang-ladang getah dan melalui kehidupan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan ladang.<sup>2</sup> Sebagai buruh ladang, mereka terpaksa bekerja keras 7 hingga 8 jam sehari dan tamat bekerja pada petangnya. Waktu petang merupakan masa lapang bagi para buruh ini di mana mereka langsung tidak mempunyai sebarang kerja untuk dilakukan.<sup>3</sup> Setiap hari penoreh getah mula bekerja pada pukul 5.30 pagi sehingga 11.30 pagi atau waktu tengahari. Penoreh akan menoreh pokok getah mulai 5.30 pagi sehingga pukul 7.30 pagi dan kemudian mereka akan berehat antara 8.30-9.30 pagi supaya susu getah dapat mengalir ke dalam mangkuk. Seterusnya, mereka mengumpulkan susu getah tersebut sehingga kerjanya tamat pada pukul 11.30 pagi.<sup>4</sup>

**Gambar 1: Buruh India Membawa Susu Getah dari Salah Sebuah Ladang di Tanah Melayu.**



Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

### **Kawasan Ladang**

Kawasan ladang terpisah dengan kawasan perkampungan dan kawasan perlombongan. Ini menyebabkan wujudnya masalah komunikasi dengan orang Melayu dan Cina. Kemudahan ini disebabkan kurangnya peluang berinteraksi sesama kaum. Situasi ini muncul dari dasar pecah dan perintah (divide and rule) British. Bagi menarik perhatian buruh ke kawasan ladang dan tidak meninggalkan kawasan ladang, pihak pengurusan ladang menyediakan kemudahan asas seperti sekolah, rumah, kuil, kedai todi, dan sebagainya tetapi dalam keadaan uang paling tidak memuaskan.<sup>5</sup> Keadaan ini berbeza dengan corak hidup masyarakat India di kawasan pekan atau bandar. Kebanyakan masyarakat India di bandar terdiri daripada golongan peniaga, pemilik estet, guru, polis (sepoi), kakitangan kerajaan, golongan professional dan sebagainya. Taraf hidup mereka juga lebih baik berbanding buruh di kawasan ladang. Contohnya, mereka bebas bekerja tanpa terikat kepada mana-mana pihak dan menerima gaji yang tinggi berbanding buruh ladang.<sup>6</sup>

Pada zaman kolonial, kebanyakan ladang-ladang di Tanah Melayu terdiri daripada ladang-ladang getah. Biasanya ladang-ladang ini terbahagi kepada 'labour quarters' dan 'staff quarters'. Di bahagian 'staff quarters' dipenuhi dengan kilang getah, rumah asap, gudang, rumah pengurus, kerani, dan kangani, sekolah, dan hospital / klinik. Di bahagian 'labour quarters' pula dilengkapi dengan rumah-rumah buruh termasuk kedai todi dan "Aaya Kottai / Aaya Kottagai" iaitu tempat penjagaan bayi dan kanak-kanak buruh.<sup>7</sup>

**Gambar 2: Pengurus Berbangsa Eropah Berdiri di Kawasan Perladangan di Tanah Melayu.**



Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Pihak British membuka kawasan perladangan secara meluas bagi mencapai tujuan ekonominya. Hal ini menyebabkan jumlah ladang bertambah disusuli dengan kehadiran dan penetapan buruh di kawasan ladang. Jumlah ladang yang begitu besar dapat dilihat dalam jadual 1.

**Jadual 1: Jumlah Ladang di Tanah Melayu Pada Tahun 1934 dan 1935.**

Negeri	Jumlah Ladang 1934	Jumlah Ladang 1935
Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	2,178	2,345
Negeri-negeri Selat (NNS)	335	334
Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB)	324	485

Sumber: *Annual Report of The Agent of The Government of India In British Malaya For The Year 1935*, Delhi: Manager of Publication, 1936, hlm. 36-37.

Daripada jadual 1 didapati bahawa Negeri-negeri Melayu Bersekutu mempunyai jumlah ladang yang paling besar iaitu 2,178 pada 1934 dan meningkat menjadi 2,345 pada 1935. Hal ini demikian kerana British lebih memfokuskan negeri-negeri yang dengan sumber ekonomi.

## Masalah Kehidupan Buruh India Di Ladang

### Sistem Ikatan Ladang

Antara aspek kehidupan sosial yang penting yang tekanan yang wujud dari sistem ikatan ladang. Selepas buruh-buruh tiba ke Tanah Melayu, mereka terus dihantar ke ladang getah. Di sini, mereka telah disediakan dengan segala keperluan asas seperti tempat kediaman, pakaian, makanan dan kemudahan-kemudahan lain seperti kedai runcit oleh pihak majikan.<sup>8</sup> Tidak ketinggalan, pembukaan kedai todi di kawasan ladang-ladang getah yang disediakan khas untuk para buruh. Usaha-usaha yang diambil oleh pihak British dalam menyediakan pelbagai kemudahan ini adalah semata-mata mahu mengekalkan buruh-buruh di ladang-ladang dan tidak meninggalkan sempadan ladang tersebut. Hakikatnya, buruh India tidak dibenarkan melewati sempadan ladang di tempat mereka bekerja. Sistem komunikasi dan pengangkutan yang serba kekurangan termasuk tempat tinggal yang jauh terpencil di kawasan pedalaman ketika itu menjadikan keadaan lebih sukar. Orang luar juga tidak dibenarkan masuk ke dalam ladang-ladang tersebut. Ini bermakna, buruh India hidup dalam keadaan di mana semua hubungan mereka dengan dunia luar terputus. Tindakan British ini telah menghalang pergaulan sosial bukan sahaja antara buruh-buruh ladang dengan kaum lain bahkan juga antara buruh India dengan orang India yang lain di Tanah Melayu. Buruh ladang dibiarkan untuk hidup sebagai sebuah komuniti yang tersendiri dengan mengekalkan ciri-ciri kebudayaan dari kampung halaman mereka tanpa sebarang ruang untuk perubahan.<sup>9</sup>

Hakikatnya, buruh-buruh tidak ada keinginan langsung untuk meneruskan hidup di bawah *kangani* atau ladang, malah mereka ingin keluar dari sistem ladang itu. Walau bagaimanapun, keinginan mereka telah dibataskan dengan peraturan dan kawalan yang telah dibuat oleh pihak ladang. Sebagai contoh, sekiranya ada dalam kalangan buruh yang ingin keluar, mereka dipaksa untuk membayar sejumlah wang sebelum meninggalkan ladang. Keadaan ini tidak mungkin berlaku kerana semua wang yang diterima pada hari gaji dikumpul oleh *kangani*, *kirani* (kerani) dan *manduru* (mandor).<sup>10</sup> Hal ini menyebabkan mereka terpaksa melepaskan hasrat untuk lari dari ikatan ladang dan meneruskan kehidupan di ladang.<sup>11</sup> Selain itu, beberapa orang pengawal juga dilantik di kebanyakan ladang bagi memastikan buruh-buruh ini tidak meninggalkan sempadan ladang. Jika ada di antara buruh yang ingin keluar misalnya ke pejabat pos, maka satu pas akan diberikan kepada buruh tersebut dan dalam masa yang sama, seorang pengawal akan diarahkan untuk mengiringnya bagi memastikan buruh tersebut tidak melarikan diri. Di samping itu, buruh juga tidak dibenarkan keluar tanpa alasan yang kuat seperti melawat kawan atau saudara di ladang lain. Situasi yang dialami oleh buruh-buruh ini tidak ubah seperti sistem perhambaan di mana mereka diletak dan dikawal seperti hamba.<sup>12</sup> Mereka tiada tempat untuk mengadu atau melaporkan kepada pihak yang sewajarnya berkaitan penindasan yang telah dilakukan oleh pihak pengurusan ladang. Hal ini disebabkan segala aspek kehidupan mereka dikawal sepenuhnya oleh pihak majikan.

## Masalah Peminum Todi

Umumnya, sebilangan besar orang India Selatan yang berhijrah ke Tanah Melayu terdiri daripada kalangan buruh yang buta huruf dan menerima pendidikan secara minima sahaja sewaktu mereka di India. Berdasarkan sistem ladang di Tanah Melayu, mereka akan ditempatkan di kawasan perladangan dan seluruh kehidupan mereka berlegar dalam kawasan itu sahaja. Mereka bukan sahaja tidak disediakan kemudahan yang selesa, malah tidak diberikan ruang untuk melakukan riadah dan aktiviti sosial yang lain. Dalam situasi ini, aktiviti riadah yang mereka miliki adalah di kedai todi. Kedai todi menjadi 'institusi sosial' yang sangat penting kepada masyarakat ladang kerana di sini mereka akan menghabiskan masa mereka dan akan turut menjadikan todi sebagai minuman mereka. Dalam situasi ini, wujud ikatan yang sangat kuat di antara buruh ladang dengan kedai todi dan menyedari hal ini, pihak majikan serta pihak berkuasa kemudiannya menjadikan kedai todi sebagai sesuatu yang 'wajib' di setiap ladang.

Kedai todi diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu atas beberapa sebab tertentu. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh akhbar *Jananayakam*, pada 3 Disember 1947, didapati bahawa, alkohol terutama todi telah diperkenalkan oleh pihak British di negara ini dan bukannya oleh orang India atau pihak lain. Dalam pada itu, orang India terutama buruh ladang merupakan majoriti peminum todi berbanding bangsa lain.<sup>13</sup> Pada perkiraan majikan ladang yang rata-ratanya orang Eropah, masa lapang buruh adalah satu keadaan berisiko dan boleh membawa masalah sosial yang besar. Selain itu, kerajaan British sedar bahawa adalah lebih mudah memerintah penduduk yang berada di bawah pengaruh alkohol berbanding penduduk yang berpendidikan. British sedar bahawa pengenalan 'todi' adalah satu-satunya kaedah yang terbaik untuk mengekalkan mereka di ladang-ladang. Selain itu, kewujudan kedai todi telah memberi keuntungan kepada pihak pemerintah melalui lesen kedai todi dan cukai yang dikenakan kepada aktiviti tersebut.

Selain itu, masalah-masalah keluarga yang sering berlaku iaitu pertengkaran dan pergaduhan antara ahli keluarga dan saudara mara turut mencetuskan tekanan kepada seseorang individu.<sup>14</sup> Pertengkaran dan pertelingkahan juga sering berlaku di antara majikan dengan buruh. Misalnya, dalam hal gaji, kemudahan, kerja dan sebagainya. Maka, untuk melarikan diri daripada masalah-masalah tersebut, mereka mula mencari alternatif dan satu cara yang terdekat dengan mereka adalah pengambilan todi.<sup>15</sup> Jelas bahawa, masyarakat India di kawasan ladang melarikan diri daripada masalah dengan mengambil todi. Mereka beranggapan dengan pengambilan todi, segala masalah dapat diselesaikan. Realitinya, todi hanya membuatkan peminum lupa masalahnya hanya untuk jangka masa yang singkat sahaja sebaliknya membawa keburukan dalam jangka panjang.<sup>16</sup>

**Jadual 2: Aduan diterima oleh Jabatan Buruh di Ladang-ladang di Tanah Melayu dari 1931-1938.**

Tahun	Serangan pengurus / penolong pengurus	Serangan kerani / kangani	Masalah gaji / gaji terlewat bayar	Pemecatan	Masalah keluarga	Pelbagai masalah lain
1931	26	58	898	199	226	413
1932	25	45	649	96	229	292
1934	35	227	1766	335	735	1411
1935	40	204	2202	500	775	1247
1936	48	200	2102	429	783	1134
1938	53	153	2099	635	1022	1459

Sumber: Disesuaikan daripada, *Annual Report of The Labour Department of Malaya For The Year 1931-1939*, Kuala Lumpur: The F.M.S. Government Press, 1932- 1940.

Jadual 2 menunjukkan aduan yang diterima oleh Jabatan Buruh dari ladang-ladang di Tanah Melayu dalam tahun 1931 sehingga 1938. Antara aduan yang paling banyak diterima ialah berkaitan masalah gaji yang menunjukkan peningkatan pada setiap tahun sepanjang tempoh tersebut. Salah satu sebab timbulnya masalah gaji ialah berpunca daripada sikap buruh sendiri yang membelanjakan sebahagian besar daripada pendapatannya di kedai todi termasuklah melalui pembelian secara kredit. Ini bermakna, gaji yang diterima oleh buruh adalah kecil setelah dipotong dengan bayaran hutang buruh terhadap pembelian todi. Selain itu, pelbagai masalah lain dalam kalangan buruh juga turut menunjukkan peningkatan dalam tempoh 1931-1938 sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam jadual 2. Selain itu, masalah keluarga dalam kalangan buruh menunjukkan peningkatan<sup>17</sup> di mana pada tahun 1932 hanya terdapat 229 kes, tetapi jumlah ini meningkat secara mendadak pada tahun 1934 iaitu sebanyak 735 kes dan terus mengalami peningkatan sebanyak 1022 kes pada tahun 1938.

Masalah keluarga ini berpunca daripada pertelingkahan dan pergaduhan yang sentiasa ditimbulkan oleh peminum-peminum todi hingga membawa kepada perpecahan keluarga. Pergaduhan antara suami dan isteri turut termasuk dalam kategori ini. Pengambilan todi secara berlebihan juga menyebabkan buruh-buruh mengalami kemabukan yang melampau hingga menyebabkan mereka gagal untuk menghadiri diri ke tempat kerja seperti biasa. Apabila tindakan diambil oleh majikan seperti pemotongan gaji dan seumpamanya, keadaan ini secara langsung telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan buruh dan seterusnya membawa kepada serangan oleh buruh-buruh terhadap kerani, *kangani* atau pengurus atau sesama buruh. Tindakan ini berakhir dengan pemecatan mereka sebagai buruh di kawasan ladang tersebut. Serangan terhadap kerani lebih tinggi berbanding pengurus kerana kerani adalah orang terdekat dengan buruh dan mengetahui masalah mereka. Berdasarkan jadual 2, dapat dilihat pemecatan meningkat secara berterusan dalam tempoh 1931 sehingga 1938 di mana pada tahun 1938 mencatatkan jumlah pemecatan tertinggi dengan iaitu sebanyak 635 kes. Punca kepada masalah ini datangnya daripada buruh itu sendiri yang tidak ke dapat bekerja ekoran mengalami kemabukan akibat pengambilan todi yang berlebihan. Ada juga dalam kalangan buruh yang sentiasa hilang dari tempat kerja kerana cuba mendapatkan todi. Jelas bahawa, kedai todi menjadi tempat bagi buruh untuk

melupakan segala masalah mereka dan melepaskan tekanan kerja.

Samsu juga merupakan minuman alkohol yang diambil oleh sebahagian buruh India ladang. Ramai buruh kerap singgah ke kedai samsu. Bayaran untuk samsu boleh dibayar secara ansuran. Kadang-kala, buruh akan mencuri buah kelapa sawit dan akan menjual di kedai samsu sebagai bayaran untuk samsu. Hal ini sentiasa akan menimbulkan masalah antara pihak majikan dengan buruh.<sup>18</sup>

**Gambar 3: Buruh-buruh India Ladang ditangkap Polis kerana Terlibat Dalam Pertengkaran dan Pergaduhan Selepas Menikmati Todi.**



Sumber: Pamphlets On Toddy Drinking By Indian Labourers, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, S.C.23-1360.

**Gambar 4: Sebuah Keluarga Menderita Akibat Tindakan Suami Yang Terlibat Dalam Pengambilan Todi dan Pergaduhan.**



Sumber: Pamphlets On Toddy Drinking By Indian Labourers, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, S.C.23-1360.



## Diskriminasi dan Layanan Buruk oleh British

Dasar-dasar yang diamalkan oleh pihak British terutama majikan ladang terhadap buruh-buruh India telah menyebabkan mereka mencari satu alternatif bagi melepaskan tekanan mereka. Jika di India, mereka didiskriminasikan sebagai golongan yang terhina kerana datang dari kasta rendah, di ladang pula buruh India telah diberikan layanan yang buruk di mana British memberikan mereka satu identiti khas iaitu 'kuli' yang merupakan satu istilah dalam bahasa Tamil yang membawa maksud upah kecil. Dalam struktur hierarki ladang, 'kuli' duduk di tangga terbawah sementara di tangga atas pula ialah orang Eropah. Orang Eropah dikhaskan tempat tinggal yang jauh dan terasing daripada tempat kediaman buruh. Di bawah pengurus pula ialah kakitangan Asia seperti kerani. Golongan ini biasanya terdiri daripada orang Ceylonese atau Malayali. Mereka berfungsi sebagai orang tengah antara pengurus dengan buruh dan menjaga segala aktiviti harian buruh. Walaupun golongan ini mempunyai kaitan dengan buruh sama ada dari segi bahasa, etnik dan kebudayaan, namun mereka tidak mempunyai sebarang hubungan rapat dengan buruh. Nampaknya, keadaan ini disengajakan oleh majikan demi mengelakkan hubungan mesra yang terjalin di antara dua golongan ini.<sup>19</sup>

Berbeza daripada orang India Selatan, orang Ceylonese yang datang ke Tanah Melayu pada umumnya berpendidikan Inggeris dan kebanyakan dari mereka dilantik sebagai kerani di ladang-ladang yang dimiliki oleh orang Eropah. Mereka langsung tidak menggunakan kedudukan ini untuk membantu buruh India yang menderita dalam sektor perladangan. Sebaliknya, mereka lebih menyebelahi pihak majikan dan menindas buruh India di ladang-ladang. Mereka juga memandang rendah kepada buruh-buruh India kerana kedudukan sosial dan ekonomi mereka. Situasi ini menyebabkan timbulnya perasaan benci dalam kalangan buruh India terhadap orang Ceylonese.<sup>20</sup> Secara ringkas, orang Jaffna langsung tidak bersimpati dengan buruh Tamil.<sup>21</sup>

Walaupun golongan kerani, *kangani* dan mandor merupakan orang yang paling dekat dengan buruh, namun tidak wujud hubungan yang rapat di antara mereka. Golongan ini melihat kaum buruh sebagai golongan yang kurang berpendidikan dan berstatus rendah berbanding mereka. Mereka sentiasa menipu buruh dalam kebanyakan hal. Misalnya, majikan ladang mengumpulkan sejumlah wang daripada kalangan buruh pada waktu perayaan dan akan menggunakan sedikit wang untuk menyediakan todi dan barang lain kepada buruh. Wang baki pula akan diambil oleh majikan. Sebenarnya, sejumlah wang yang dikumpulkan daripada buruh-buruh ini adalah untuk dibahagi-bahagikan di antara majikan. Tujuan penyediaan todi ialah supaya menjadikan buruh mabuk dan tidak mempersoalkan wang yang telah dikumpul oleh majikan ladang.<sup>22</sup> Amalan penipuan ini bukan sahaja didapati dalam kalangan orang Eropah bahkan turut diamalkan oleh kerani, *kangani* dan mandor yang sentiasa mengeksploitasi buruh-buruh miskin di ladang. Dalam hal ini, tiada pihak yang tampil untuk membela nasib buruh-buruh ini dan mereka terus ditindas dengan segala bentuk penipuan oleh para majikan.<sup>23</sup> Buruh-buruh ini tiada tempat untuk mengadu dan terpaksa menjalani kehidupan dalam keadaan yang begitu tertekan.

Masalah-masalah lain yang dihadapi oleh buruh India juga ialah terpaksa berhadapan dengan diskriminasi yang diamalkan oleh majikan di ladang.<sup>24</sup> Sebagai contoh, kerja-kerja seperti memungut sampah, membersihkan longkang dan tandas telah dikhaskan kepada golongan kasta rendah. Ini bererti, dalam kalangan kelas buruh itu sendiri terdapat pemisahan sub-kelas berdasarkan pekerjaan. Tempat kediaman buruh pula diatur berdasarkan hierarki kasta mereka. Kasta rendah ditempatkan di rumah-rumah yang jauh terasing daripada tempat kediaman golongan kasta tinggi.<sup>25</sup> Di sesetengah ladang di Tanah Melayu, kuil dan air minuman berasingan juga pernah

disediakan mengikut hierarki kasta.<sup>26</sup> Jika di India, amalan diskriminasi berdasarkan hierarki kasta adalah perkara biasa, namun keadaan di Tanah Melayu agak berbeza. Di sini, golongan kasta rendah tidak bergantung pada golongan kasta tinggi bagi rezeki mereka. Tiada tuan dan tiada hamba antara mereka. Semua berada pada tahap yang sama dan semua orang bergantung sepenuhnya pada majikan British yang membayar upah mereka.<sup>27</sup>

Tindakan British yang menggunakan kasta sebagai alat untuk mengekalkan buruh India sebagai komuniti yang berpecah-belah, mundur dan tidak berwawasan untuk memajukan diri tidak boleh ditolak begitu sahaja. Walau apapun niat British, layanan buruk ini telah menumpulkan semangat buruh India dan mereka terus hidup sebagai komuniti yang berpecah belah. Diskriminasi yang diamalkan oleh pihak British ini bukan sahaja kelihatan dalam aspek kasta malah dalam aspek-aspek lain seperti tempat tinggal, gaji, kerja dan sebagainya telah mengganggu kehidupan buruh India di ladang.

Salah satu tekanan hidup yang dialami oleh buruh di ladang ialah jumlah buruh lelaki melebihi kaum wanita. Hal ini juga berhubung rapat dengan tindakan buruh yang terlibat dalam pengambilan todi. Majoriti buruh lelaki yang telah berkahwin atau belum berkahwin dibawa ke Tanah Melayu untuk melakukan kerja keras. Mereka ini tergolong dalam lingkungan umur 30-45 tahun.<sup>28</sup> Sementara itu, wanita pula tidak direkrut seperti kaum lelaki. Majoriti lelaki India yang datang ke Tanah Melayu telah meninggalkan isteri dan anak-anak mereka di India. Di kebanyakan ladang di Tanah Melayu, terdapat ramai buruh lelaki yang masih bujang dan wanita yang tinggal dengan keluarga atau dengan suami mereka.<sup>29</sup> Perpisahan dengan keluarga menjadikan mereka menderita di tempat yang baru.<sup>30</sup> Jadual 3 menunjukkan perbezaan antara buruh lelaki dan wanita di ladang.

**Jadual 3: Jumlah Buruh Lelaki dan Wanita yang Datang ke Tanah Melayu dari 1908 sehingga 1916.**

Tahun	Buruh Lelaki	Buruh Wanita	Nisbah wanita bagi 100 lelaki
1908	22,538	4,759	21.1
1909	21,684	4,398	20.3
1910	51,133	11,737	22.9
1911	67,977	16,412	24.1
1912	63,410	16,428	25.9
1913	72,013	19,223	26.7
1914	29,480	7,425	25.2
1915	44,179	10,702	24.2
1916	55,566	16,525	29.8

Sumber: N. E. Marjoeribanks dan Marakkayar, *Report on Indian Labour Emigrating to Ceylon and Malaya*, Madras: Superintendent Government Press, 1917, hlm. 42.

Jadual 3 menggambarkan perbezaan antara buruh India lelaki dan wanita yang dibawa masuk ke Tanah Melayu dari tahun 1908 sehingga 1916. Berdasarkan jadual, dapat dilihat dalam tempoh tersebut, jumlah buruh lelaki yang dibawa masuk ke Tanah Melayu sangat tinggi berbanding kaum wanita. Kemasukan buruh lelaki yang lebih ramai berbanding wanita telah menyebabkan buruh-buruh ini merasa sunyi. Jika mereka berhadapan dengan sebarang masalah, mereka tidak mempunyai tempat untuk bergantung harap bagi menyelesaikan masalah mereka. Pihak atasan ladang pula kurang memberikan perhatian dan menjaga kepentingan buruh. Malah majikan turut mengasingkan buruh ladang daripada golongan pentadbir ladang.

### **Kemudahan Kesihatan Kurang Memuaskan**

Salah satu aspek kehidupan ladang yang harus diberi perhatian ialah kesihatan. Ini disebabkan sejak awal kehadiran buruh-buruh India ke Tanah Melayu sebagai 'kuli' yang bekerja di bawah kontrak selama tiga tahun di ladang-ladang getah, tidak wujud satu bentuk kemudahan kesihatan yang baik terhadap buruh ladang. Sehingga tahun 1940-an, kemudahan kesihatan yang wujud adalah dalam bentuk yang paling tidak memuaskan dan sangat teruk. Pengurusan ladang langsung tidak menghiraukan kesihatan buruh. Sementara itu, orang yang merawat pesakit pula bukanlah seorang doktor yang bertauliah sebaliknya hanyalah seorang *dresser* yang tidak berkelayakan dalam bidang perubatan.<sup>31</sup> Kemudahan yang disediakan pula tidak memberi sebarang keyakinan kepada buruh. Hanya pesakit yang serius sahaja yang akan dihantar ke hospital kerajaan dan ramai di antara pesakit ini meninggal dunia sewaktu dalam perjalanan.<sup>32</sup>

Penyediaan kemudahan kesihatan yang sangat buruk kepada buruh ladang telah membawa kepada kematian. Sebagai contoh, di ladang Subur, Taiping, Perak, walaupun terdapat dispensari di ladang tersebut, namun *dresser* yang ditugaskan tidak mempunyai kelayakan dalam perubatan. Sekiranya ada dalam kalangan buruh-buruh yang dijangkiti penyakit, mereka terpaksa pergi ke hospital kerajaan di Taiping, yang terletak kira-kira 23 batu dari ladang tersebut. Kekurangan kemudahan kesihatan ini ternyata telah memberi kesan yang buruk apabila pada tahun 1930, seramai 119 buruh telah dimasukkan ke hospital Taiping dan 10 orang meninggal dunia.<sup>33</sup> Di hospital-hospital kerajaan pula, pesakit-pesakit yang sangat miskin yang datang dari ladang dilayan dengan begitu teruk. Hospital kerajaan juga enggan memberikan rawatan jika pesakit yang datang bukannya tenaga buruh daripada sesebuah ladang.<sup>34</sup> Lebih menyedihkan, sebahagian besar pihak pengurusan ladang tidak akan menghantar sama sekali buruh yang sakit ke hospital kerana kadar bayaran yang ditetapkan oleh pihak hospital tidak mampu dibayar oleh buruh. Situasi ini seringkali berlaku terhadap pesakit-pesakit yang datang daripada ladang-ladang kecil.<sup>35</sup> Jika ada kes yang serius, maka pesakit akan dibawa ke hospital di luar ladang.<sup>36</sup> Jelas di sini, layanan yang teruk menjadi satu faktor bagi kebanyakan buruh India yang enggan mendapatkan rawatan di hospital.<sup>37</sup>

### **Kediaman Buruh Kurang Selesa**

Merujuk kepada tempat kediaman pula, pengurus dan para kakitangan disediakan rumah-rumah yang selesa, manaka kebajikan buruh diabaikan begitu sahaja. Deretan bangunan di mana buruh ditempatkan memperlihatkan banyak kelemahan dan tidak sesuai untuk tinggal. Di samping itu, buruh juga tidak diberikan hak atau

pengiktirafan yang dinikmati oleh kakitangan ini atau pekerja dalam sektor-sektor lain. Misalnya, mereka tidak diberikan insurans usia tua, pampasan kehilangan kerja, peruntukan tanah da banyak lagi. Hal ini dinafikan kepada buruh ladang oleh majikan atas alasan mereka berada di sini hanya untuk satu tempoh yang singkat dan akan dihantar pulang ke negara asal selepas tamat tempoh perkhidmatan.<sup>38</sup>

Sehingga 1900, majoriti buruh India tinggal di kawasan berhampiran hutan dan tidak mempunyai kemudahan kesihatan yang baik. Hal ini dapat dilihat dari laporan Dr.Traver, Residency Surgeon yang melaporkan tentang kematian yang berlaku dalam kalangan buruh di Sungai Ujong pada tahun 1889 seperti berikut, “*During the latter part of the year 1888 and up to June 1889, all the coolies lived in the newly felled jungle, lines being built for them close to their work on the earth-works along the railway trace. In January, several cases of dysentery and diarrhoea occurred among them, the number attacked increased rapidly....*”<sup>39</sup>

Kemudahan tempat kediaman buruh yang disediakan oleh British dalam tempoh selepas 1900 juga masih tidak memuaskan.<sup>40</sup> Rumah-rumah yang selesa hanya disediakan kepada pengurus dan kakitangan ladang sahaja. Sebaliknya, kemudahan perumahan yang disediakan kepada buruh ladang diabaikan begitu sahaja dan berada dalam keadaan yang sangat daif. “*Labour lines insanitary and rooms are overcrowded.*”<sup>41</sup> Pada tahap awal penghijrahan orang India ke Tanah Melayu, terdapat dua jenis tempat tinggal yang disediakan oleh majikan di ladang getah iaitu rumah kongsi dan rumah berderet.<sup>42</sup> Rumah berderet turut dikenali sebagai ‘*labour lines*’ yang dibina di ladang-ladang getah milik orang Eropah. Rumah berderet ini dibina untuk buruh India yang bekerja di ladang getah.<sup>43</sup> Kedua-dua jenis rumah ini kecil, usang dan tidak bersih.<sup>44</sup> Rumah buruh jenis lama biasanya terdiri daripada berek lama seperti struktur kayu, beratap sama ada dengan atap daun, sawit tempatan atau dengan atap zink.<sup>45</sup> Rumah ini seolah-olah rumah panjang di mana ruang-ruang biliknya dibahagikan dengan pemisah. Setiap bilik didiami oleh sebuah keluarga.<sup>46</sup> Rumah jenis ini ada di antaranya yang telah dilengkapi dengan beranda dan ada juga yang tidak.<sup>47</sup> Secara keseluruhan, rumah buruh memperlihatkan banyak kelemahan dan tidak selesa untuk didiami. Keadaan rumah seperti ini sudah tentu memberi satu tekanan kepada buruh India yang telah berhempas pulas di kawasan ladang untuk melakukan kerja-kerja berat. Di samping tekanan kerja, penyediaan kemudahan yang sangat buruk telah menumpulkan semangat buruh-buruh di Tanah Melayu untuk mengubah nasib mereka. Bagi pasangan yang telah berkahwin, mereka turut ditempatkan dalam baris rumah buruh bujang dan dengan itu tidak mewujudkan satu suasana yang selesa untuk mereka.<sup>48</sup> Gambar 5 menunjukkan rumah buruh di ladang tanpa kemudahan yang baik.

**Gambar 5: Kediaman Buruh India di Kawasan Ladang.**



Sumber: R. N. Veerappan, *Malecciyat Tamizhargal* (Orang Tamil Di Malaysia), Kovai: Penerbit Tamil Osai, 2010, hlm. 88.

### **Eksplotasi Gaji Buruh**

Salah satu aspek yang sangat penting dalam hidup buruh ladang ialah gaji. Gaji yang diberi berbeza-beza mengikut tempat dan jenis kerja yang dilakukan dan hal ini sangat berkaitan dengan kos kehidupan buruh di ladang.<sup>49</sup> Dalam kalangan buruh India, buruh-buruh cangkul dan buruh-buruh memotong rumput menerima gaji yang paling rendah. Manakala penoreh buruh lelaki dan wanita pula menerima gaji lebih sedikit daripada buruh cangkul dan buruh memotong rumput. *Kangani* dan pekerja kilang pula menerima gaji yang lebih daripada penoreh.<sup>50</sup>

Walaupun menerima upah yang kecil, namun buruh tidak dapat menggunakan semua pendapatannya dengan sempurna atas beberapa sebab. Pertama, mereka terpaksa membayar denda yang dikenakan oleh majikan terhadap mereka dan kedua, berlakunya pemotongan gaji oleh majikan di atas kesalahan kecil yang dilakukan semasa bekerja.<sup>51</sup> Misalnya, terdapat buruh yang gajinya dipotong dari 29 sen ke 80 sen iaitu 75% dari gaji atas kesalahan yang dilakukan. Terdapat juga kes di mana pengurus mengurangkan gaji buruh sebanyak 20 sen bagi setiap buruh dalam sehari atas kesalahan yang sangat kecil. Walaupun ditindas dan dieksploitasi oleh majikan, buruh-buruh ini tidak mampu melawan melainkan terpaksa menerimanya.<sup>52</sup> Eksploitasi terhadap buruh ini terus berlaku dalam bentuk sistem kredit oleh majikan. Di sesetengah ladang di Tanah Melayu misalnya, terdapat beberapa orang pengurus ladang yang membuka kedai runcit dan membekalkan barangan melalui sistem kredit kepada buruh. Barangan dijual pada kadar yang sangat tinggi dan mahal. Keadaan ini menyebabkan buruh sentiasa menghadapi kesempitan wang untuk meneruskan hidup harian seperti biasa. Kesemua gaji yang diterima oleh buruh ditarik balik oleh majikan ladang melalui pembayaran hutang dan hal ini menyebabkan mereka tidak mempunyai baki duit di tangan.<sup>53</sup> Selain itu, ramai buruh India ladang menggunakan sumber pendapatan yang besar untuk minum todi. Peminum todi menghabiskan wang yang

dikumpul hasil daripada kerja di ladang setiap hari dan hal ini menyebabkan isteri dan anak-anak mengalami kesempitan hidup tanpa pakaian, makanan dan kelengkapan yang mencukupi.<sup>54</sup>

Keadaan ini seterusnya menyebabkan buruh mengalami kesempitan wang yang sekaligus menafikan peluang mereka untuk menikmati makanan yang lebih baik. Jika di negara India, kebanyakan buruh dapat menikmati ayam dan kambing sekali atau dua kali dalam seminggu, namun selepas berhijrah ke Tanah Melayu, mereka tidak lagi dapat menikmati makanan tersebut.<sup>55</sup>

Selain potongan gaji, satu lagi bentuk eksploitasi yang dilakukan oleh pihak *kangani* dan beberapa '*chief coolies*' ialah melalui pengenalan loteri. Di bawah sistem loteri ini, seorang buruh harus membayar \$14 untuk 10 bulan dan selepas tempoh tamat, *kangani* akan mengambil semula wang yang dibayar oleh buruh dengan menipu mereka. Loteri ini dimulakan atas nasihat para *kangani* sebagai cara mengumpul wang dalam kalangan buruh di mana boleh digunakan untuk pulang ke India selepas tamat tempoh kerja. Walau bagaimanapun, wang yang dibayar itu tidak akan pergi ke tangan buruh. Sistem loteri ini diperkenalkan hampir di setiap ladang dan buruh-buruh hilang pendapatan kesan daripada pembayaran loteri ini.<sup>56</sup>

### **Kuil**

Kawasan ladang turut memainkan peranan penting dalam perkembangan kuil di Tanah Melayu. Agama Hindu dibawa bersama-sama dengan orang India sejak berhijrah ke Tanah Melayu. Di ladang, terdapat beberapa buah kuil yang dibina untuk orang India.<sup>57</sup> Kuil-kuil yang dibina bergantung kepada dewa atau dewi pilihan mereka dan mengikut kemampuan kewangan mereka. Kuil memainkan peranan yang penting dalam kehidupan buruh India.<sup>58</sup> Setiap ladang mempunyai sekurang-kurangnya sebuah kuil. K. S. Sandhu, menyentuh hal ini dengan menyatakan, "*Kovil illa uril kudi irukka vendam. (do not live in a town where there is no temple)*".<sup>59</sup>

Sejak awal penjajahan British lagi buruh India telah mendermakan wang daripada gaji mereka untuk kos penyelenggaraan kuil pada setiap bulan.<sup>60</sup> Wang yang didermakan oleh buruh India untuk kuil memang sangat tinggi jika dibandingkan dengan gaji rendah yang diterima oleh mereka. Di beberapa buah ladang, buruh membayar 20 sen iaitu gaji sehari kepada pihak kuil. Sebenarnya bayaran untuk kuil adalah secara sukarela dan biasanya 10 sen akan dipotong dari gaji bulanan buruh. Tetapi dalam beberapa kes, potongan pembayaran ini sangat tinggi sehingga 40 sen atau 50 sen bagi satu kepala setiap bulan. Potongan ini dianggap tidak sah.<sup>61</sup>

**Gambar 6: Kuil Ladang di Tanah Melayu Pada Zaman Kolonial.**



Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

**Masalah Dalam Simpanan “Kootoo”**

Buruh India Selatan di ladang telah biasa dengan melabur simpanan mereka dalam urus niaga lembu dan kambing. Satu lagi kaedah pelaburan yang sama ialah adalah penyertaan dalam "Kootoo" tetapi ini dilihat sebagai satu masalah besar oleh majikan dan juga oleh Jabatan Buruh kerana ia sering menyebabkan pendeposit yang bertanggungjawab kehilangan wang “Kootoo” apabila ada ahli yang tidak membayarnya. "Kootoo" adalah perkataan Tamil yang bermaksud gabungan atau kesatuan. Ia merujuk kepada sebuah persatuan yang bergabung oleh beberapa orang untuk tujuan menyimpan wang dengan membayar langganan bulanan tetap untuk beberapa bulan kepada ketua pemegang “Kootoo”. Seorang ahli dipercayai dilantik sebagai ketua atau pengurus “Kootoo” dan akan mengambil wang “Kootoo” daripada ahli-ahli pada bulan pertama dan seterusnya duit “Kootoo” akan dibayar kepada setiap ahli mengikut angka giliran yang ditetapkan oleh ketua pemegang “Kootoo”. Jika ada ahli yang meninggalkan daripada membayar “Kootoo”, maka ahli-ahli yang lain akan membahagikan untung atau rugi secara sama rata mengikut perjanjian asal yang dipersetujui oleh semua sebelum memulakan “Kootoo”. “Kootoo” yang dijalankan di ladang pada zaman kolonial merupakan satu aktiviti mengisi masa lapang buruh dan memberi semangat kepada buruh India dalam menyimpan wang dan menghantar ke India serta menggunakan untuk majlis-majlis tertentu seperti perkahwinan.<sup>62</sup>

**Pendidikan Yang Minimum**

Perbincangan mengenai sejarah permulaan pendidikan Tamil atau sistem pendidikan orang India telah ditulis oleh ramai sarjana sebelum ini. Oleh itu, penulis mengambil inisiatif untuk melihat apakah keadaan-keadaan yang mengakibatkan anak-anak buruh India tidak dapat menerima pendidikan yang disediakan di ladang dengan baik.

Pendidikan merupakan salah satu aspek yang tidak boleh terlepas pandang dalam melihat hidup buruh di ladang. Hal ini demikian kerana pendidikan diperkenalkan di kawasan ladang untuk membawa masuk dan menetapkan buruh

secara kekal di kawasan ladang. Sebanyak 90 % daripada buruh India yang berhijrah ke Tanah Melayu terdiri daripada buruh yang buta huruf.<sup>63</sup> Pendidikan yang disediakan oleh pihak British di ladang hanyalah untuk mengambil hati buruh India. Sistem pendidikan ini tidak bertujuan untuk melahirkan pelajaran yang cemerlang. Ketiadaan satu sistem pendidikan yang teratur menyebabkan anak-anak buruh dibiarkan begitu sahaja untuk terus hidup sebagai komuniti ‘peminum atau pemabuk’ bagi generasi seterusnya. Lebih-lebih lagi, mereka menjadi komuniti ‘penghutang’ di sepanjang kehidupan mereka kerana perlu menjelaskan hutang yang ditinggalkan oleh bapanya.<sup>64</sup>

Waktu sekolah pula disusun supaya tidak bertembung dengan waktu kerja kanak-kanak 10 tahun ke atas dengan ibu bapa mereka di ladang. Guru pula diimport dari India, tetapi pada awalnya, kerani, *kangani* atau buruh-buruh yang sedikit berpelajaran akan menjadi pengajar di sekolah. Keadaan sebenar ialah, mereka langsung tidak berkelayakan atau tidak menyampaikan pengajaran yang sempurna kepada kanak-kanak dilantik di sekolah Tamil di ladang<sup>65</sup> Sistem pendidikan vernakular sekolah Tamil ini sebenarnya mengikut corak negara India misalnya silabus, buku teks dan pengajaran berasaskan bahasa Ibund. Pengajaran berdasarkan 3M iaitu membaca, menulis dan membaca. Pengajaran ini hanya bertujuan untuk memberikan pendidikan minimum kepada anak-anak buruh bagi membolehkan British mudah mentadbir komuniti yang kurang berpendidikan. Selain itu, kemiskinan, bebanan keluarga dan ketiadaan inisiatif pihak British bagi menjamin pendidikan dan masa depan anak-anak buruh turut menjadikan mereka sebagai komuniti yang tidak ada hala tuju. Ibu bapa pula lebih mengutamakan pendapatan tambahan yang dibawa oleh anak-anaknya.<sup>66</sup>

Tidak berlebihan jika dikatakan bahawa, British sengaja menjadikan anak-anak buruh sebagai kuli dengan menyediakan kerja lebih di ladang dan mengelakkan kehadiran mereka ke sekolah. Hal ini disebut dalam Laporan Tahunan Pendidikan Selangor 1923.

“The attendance is very irregular, estate managers as a rule take little interest in their schools and give over-time work to the children which prevents their attendance at school...there still remain the kangany and cooly teachers who are untrained and lacking of knowledge,”<sup>67</sup>

Jelas bahawa British melihat pembukaan sekolah Tamil di ladang sebagai satu kemudahan bagi menarik perhatian buruh yang datang ke Tanah Melayu. Dengan pemikiran ini, British cuma membina sebuah sekolah Tamil dalam keadaan yang buruk dan pengajaran pula langsung tidak memuaskan.<sup>68</sup> Polisi British adalah hanya menjadikan kanak-kanak Tamil sebagai kerani (*kirani*) atau jurukira (*kanakupillai*).<sup>69</sup> Ini menyebabkan pendidikan kanak-kanak buruh India di ladang terabai.<sup>70</sup>



**Gambar 7: Sebuah Sekolah Ladang Mempunyai Tiga Buah Kelas iaitu Tamil, Malayalam dan Telugu.**



Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

### **Kesimpulan**

Keseluruhan kajian menunjukkan bahawa kaum India telah dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh penjajah British untuk menjayakan dasar-dasar ekonomi mereka, khususnya dalam industri getah. Pada awalnya, British berharap agar buruh-buruh ini kembali ke kampung halaman asal selepas tamat kerja mereka di sini. Walau bagaimanapun, keadaan ini berubah sekurang-kurangnya sejak tamat Perang Dunia Pertama, 1914-1918. Untuk terus mengekalkan masyarakat India di kawasan ladang dan melakukan kerja-kerja berat, British menyediakan semua kemudahan dalam keadaan yang paling tidak memuaskan. Hidup di bawah sistem ladang ini telah membawa satu keadaan yang sangat tertekan kepada buruh. Akhirnya mereka merasakan bahawa, tidak ada jalan keluar dari sistem ikatan ladang itu kecuali meneruskan hidup itu.

---

### **Nota**

\*Dr.Parameswari Krishnan (param@unisel.edu.my) merupakan Pensyarah di Fakulti Pendidikan dan Sosial Sains, Universiti Selangor (UNISEL).

\*\*Dr.J.Hinduja Jayer Raman (hinduja.jkp@gmail.com) ialah Graduan dari Universiti Malaya (UM).

<sup>1</sup>Perbincangan Tanah Melayu dalam kajian ini meliputi Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang meliputi Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pula mewakili Kedah, Perlis, Kelantan, Terenngganu dan Johor. Manakala Negeri-negeri Selat pula terdiri daripada Melaka dan Pulau Pinang.

<sup>2</sup> CO 273/405, Surat daripada Rayappan, Seremban, 25 Mac 1913, hlm. 6.

<sup>3</sup> CO 438/5, *Federated Malay States, Annual Report On The Social and Economic Progress of The People of Perak For The Year 1935*, Kuala Lumpur: The F.M.S. Government Press, 1936, hlm. 96.

<sup>4</sup> CO 273/499, Memorandum regarding conditions of the Indian labour in the Straits Settlements and

Federated Malay States, hlm. 1.

<sup>5</sup> Bathanathan Veloo, *Perkembangan Masyarakat India di Negeri Kedah antara tahun 1900-1945*, Tesis B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002/2003, hlm. 83.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 66.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm. 75.

<sup>8</sup> CO 273/499, Memorandum regarding conditions of the Indian labour in the Straits Settlements and Federated Malay States, hlm. 1.

<sup>9</sup> K. Anbalakan, *Identiti India Di Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008, hlm. 6-7.

<sup>10</sup>CO 273/534, Conditions of Indian Labourers In Malaya, Memorandum, Excerpts from the "Swathesamithiran" forwarded with Section of States F.M.S. Despatch No. 307, dated 9<sup>th</sup> June 1926, Surat daripada A. Caldecott. Ag. Controller of Malaya, 27 Julai 1927, hlm. 1-3.

<sup>11</sup> CO 273/405, Surat daripada Rayappan, Seremban, 25 Mac 1913, hlm. 5.

<sup>12</sup> *Ibid.*, hlm. 6.

<sup>13</sup>'Peminum Todi di Kuala Klang dan Penduduk India', *Jananayakam*, 3 Disember 1947, hlm. 3.

<sup>14</sup> A. Paramasivam, 'Toddy Drinking in Malaysia', dalam Seminar on Health, Food and Nutrition, Penang, 15-20 September 1979, hlm. 7; Subashini Vamana, 'Masalah Alkoholisme Di Kalangan Masyarakat India Di Semenanjung Malaysia Dari Tahun 1980-2000', Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006/2007, hlm. 62.

<sup>15</sup>*News Straits Times*, 25 Januari 1991, hlm. 2.

<sup>16</sup> A. Paramasivam, 'Toddy Drinking in Malaysia', hlm. 7-8.

<sup>17</sup>'Growing Menace of Alcoholism In Malaya', *Indian Daily Mail*, 2 Jun 1947, hlm. 2.

<sup>18</sup> Rathitevi Perumal, 'Keadaan Sosial Buruh India di Tanah Melayu, 1931-1957', Tesis B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 95.

<sup>19</sup> CO 273/534, Conditions of Labourers In Malaya, Memorandum, Excerpts from the "Swathesamithiran" forwarded with Section of States F.M.S. Despatch No. 307, dated 9<sup>th</sup> June 1926, Surat daripada A. Caldecott. Ag. Controller of Malaya, 27 Julai 1927, hlm. 3. Lihat juga, K. Anbalakan, *Identiti India Di Malaysia*, hlm. 8-10.

<sup>20</sup> K. Anbalakan, *Identiti India Di Malaysia*, hlm. 25.

<sup>21</sup> CO 273/534, Condition of Labourers In Malaya, Memorandum, Excerpts from the "Swathesamithiran" forwarded with Section of States F.M.S. Despatch No. 307, dated 9<sup>th</sup> June 1926, Surat daripada A. Caldecott. Ag. Controller of Malaya, 27 Julai 1927, hlm. 6.

<sup>22</sup> *Ibid.*, hlm. 5.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 5-6.

<sup>24</sup> CO 717/181, Memorandum On Labour Contidions For Indians In Malaya.

<sup>25</sup> Paul Wiebe & Mariappan, *Indian Malaysians: The View From The Plantations*, New Delhi: Manohar Publications, 1978, hlm. 72.

<sup>26</sup>S. Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970, hlm. 65.

<sup>27</sup> K. Anbalakan, *Identiti India Di Malaysia*, hlm. 11.

<sup>28</sup> *Federated Malay States, Report of The Senior Health Officer, F.M.S. For The Year 1923*, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Selangor Secretariat File 1163/1924, hlm. 6,

<sup>29</sup> N. E. Marjoeribanks dan Marakkayar, *Report on Indian Labour Emigrating to Ceylon and Malaya*, Madras: Superintendent Government Press, 1917.

<sup>30</sup>*New Straits Times*, 17 September 1991, hlm. 15. Lihat juga, Subashini Vamana, 'Masalah Alkoholisme Di Kalangan Masyarakat India Di Semenanjung Malaysia Dari Tahun 1980-2000', hlm. 58.

<sup>31</sup> CO 273/534, Medical Facilities, Memorandum, Excerpts from the "Swathesamithiran" forwarded with Section of States F.M.S. Despatch No. 307, dated 9<sup>th</sup> June 1926, Surat daripada A. Caldecott. Ag. Controller of Malaya, 27 Julai 1927, hlm. 2.

<sup>32</sup> N. Gangulee, *Indians in The Empire Overseas*, London: The New India Publishing House Ltd., 1947, hlm. 88 & 188.

<sup>33</sup>Subur Estate, dalam Fail Jabatan Kesihatan Perubatan Taiping, Perak, 1927-1941, Fail Jabatan Kesihatan Perubatan Taiping (JKPT) 166/27. Kesihatan ramai buruh ladang di daerah Taiping pada awal pentadbiran British, berada dalam keadaan teruk. Lihat, CO 273/351, Despatch No. 328 of 27<sup>th</sup> October 1909, Surat daripada Hendry N. Bidley, Director of Gardens, S.S., 28 Ogos 1909.

<sup>34</sup> Buruh India yang berkhidmat kepada Public Work Department (PWD) di Kedah turut menghadapi gangguan kesihatan yang serius. Misalnya dalam urusan kerja air di Alor Setar, pada Januari 1914, kebanyakan buruh India dijangkiti wabak Malaria dan dibawa ke Hospital Alor Setar untuk rawatan. Rujuk: Mohd Firdaus Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor, "The 20th Century Domestic Water Supply In Alor Setar, Kedah," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies*, Vol. 46 (2),

Disember 2019, hlm. 240-271.

<sup>35</sup> Ibid.

<sup>36</sup>CO 717/152, Labour, hlm. 78. Lihat juga, CO 439/3, *Federated Malay States, Selangor Administration Report For The Year 1907*, Kuala Lumpur: The F.M.S. Government Printing Office, 1908, hlm. 25

<sup>37</sup>Accommodation of Labourers in Government Hospitals and The Rate of Charges, dalam Fail District Office Ulu Selangor, 1927-1930, District Office Ulu Selangor File (DOUS) 29/28, hlm.1-3. Rujuk juga, Hospitals on Estates Employing Tamil Labour, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Selangor Secretariat File 5957/1907.

<sup>38</sup> M. R. Stenson, *Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case*, Queensland: University of Queensland Press, 1980, hlm.52.

<sup>39</sup>*Annual Report of The Straits Settlements For The Year 1889*, hlm. 519-520. Lihat juga, George Netto, *Indians in Malaya: Historical Facts and Figures*, Singapore: George Netto, 1961, hlm. 36.

<sup>40</sup> CO 273/471, Coolie Lines.

<sup>41</sup> CO 717/181, Conditions of Indians Labourers In Malaya, hlm. 102.

<sup>42</sup> Rumah kongsi merupakan rumah milik orang Cina yang dibina untuk pekerja kontrak Cina yang dibawa masuk melalui sinkeh atau sistem rumah kecil. Lihat, Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co., 1994, hlm. 146.

<sup>43</sup> Ibid.

<sup>44</sup>Ibid. Lihat juga, *Federated Malay States, Further Report of The Commission Appointed To Enquire The Conditions of Indentured Labour In The Federated Malay States, 1910*, hlm. 43; J. N. Palmer, *Colonial Labour Policy and Administration: A History of Labour in The Rubber Plantation Industry in Malaya, c.1910-1941*, New York: J.J. Augustin Incorporated Publisher, 1960, hlm. 160.

<sup>45</sup> CO 273/499, Memorandum regarding conditions of the Indian labour in the Straits Settlements and Federated Malay States, hlm. 4. Lihat juga, V. S. Srinivasa Sastri, *Report On The Conditions of Indian Labour In Malaya 1937*, Kuala Lumpur: The F.M.S. Government Press, 1937, hlm. 9.

<sup>46</sup>CO 438/5, *Federated Malay States, Annual Report On The Social and Economic Progress of The People of Perak For The Year 1936*, Kuala Lumpur: The F.M.S. Government Press, 1937, hlm. 101. Lihat juga, S. Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 63.

<sup>47</sup>CO 438/5, *Federated Malay States, Annual Report On The Social and Economic Progress of The People of Perak For The Year 1939*, Kuala Lumpur: The F.M.S. Government Printing Office, 1940, hlm. 31.

<sup>48</sup>CO 273/499, Memorandum regarding conditions of the Indian labour in the Straits Settlements and Federated Malay States, hlm. 5. Lihat juga, *Annual Report of The Agent of The Government of India In British Malaya For The Year 1927*, Calcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1928, hlm. 13-14.

<sup>49</sup> CO 717/181, Conditions of Indians Labourers In Malaya, hlm. 101.

<sup>50</sup> *Annual Report of The Agent of The Government of India In British Malaya For The Year 1927*, Calcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1928, hlm. 7. Penoreh getah mula bekerja awal pagi (waktu tidak tetap) dan menghantar susu getah ke kilang pada pukul 11 pagi. Seterusnya pada waktu petang mereka melakukan kerja merumput atau selain kerja itu untuk mendapatkan wang tambahan. Penoreh buruh lelaki menerima gaji sebanyak 25 hingga 35 sen untuk sehari dan menerima 35 hingga 45 sen sehari mengikut kecekapan kerja. Penoreh wanita biasanya mendapat 25 hingga 30 sen sehari dan kanak-kanak lelaki dan perempuan pula menerima 10 hingga 15 sen gaji untuk sehari. Bagi kerja merumput, lelaki menerima 30 hingga 35 sen upah sehari manakala wanita pula menerima 25 hingga 30 sen sehari. Lihat, CO 438/5, *Federated Malay States, Perak Administration Report For The Year 1926*, Kuala Lumpur: The F.M.S. Government Printing Office, 1927, hlm. 10; CO 273/499, Memorandum regarding conditions of the Indian labour in the Straits Settlements and Federated Malay States, hlm. 1; CO 273/534, A Meeting of The Indian Immigration Committee was held in the Labour Office at Kuala Lumpur at 10 a.m. on Saturday the 9<sup>th</sup> February 1924.

<sup>51</sup> CO 273/405, Surat daripada Rayappan, Seremban, 25 Mac 1913, hlm. 3.

<sup>52</sup> Ibid, hlm. 4.

<sup>53</sup> Ibid., hlm. 4-5.

<sup>54</sup>Pamphlets on Toddy drinking by Indian labourers. Risalah di atas perkara minum tuak oleh kuli-kuli Hindu (versi Melayu-Jawi), dalam Fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, S.C.23-1360, hlm. 4.

<sup>55</sup> George Netto, *Indians in Malaya: Historical Facts and Figures*, hlm. 37.

<sup>56</sup> CO 273/405, Surat daripada Rayappan, Seremban, 25 Mac 1913, hlm. 5

<sup>57</sup> *Annual Report of The Agent of The Government of India In British Malaya For The Year 1928*, Calcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1929, hlm. 20

- <sup>58</sup> *Federation of Malaya, Annual Report of The Labour Department For The Year 1954*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1955, hlm. 42.
- <sup>59</sup> K. S. Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of Their Immigration and Settlement, 1786 1957*, London: Cambridge University Press, 1969, hlm. 233.
- <sup>60</sup> *Federation of Malaya, Annual Report of The Labour Department For The Year 1954*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1955, hlm. 42.
- <sup>61</sup> *Annual Report of The Agent of The Government of India In British Malaya For The Year 1928*, Calcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1929, hlm. 20. Lihat juga, *Annual Report of The Agent of The Government of India In British Malaya For The Year 1927*, Calcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1928, hlm. 12.
- <sup>62</sup> *Annual Report of The Labour Department of Malaya For The Year 1935*, Kuala Lumpur: The F.M.S. Government Press, 1936, hlm. 34-35.
- <sup>63</sup> CO 273/534, Education On Estates, Memorandum, Excerpts from the “Swathesamitthiran” forwarded with Section of States F.M.S. Despatch No. 307, dated 9<sup>th</sup> June 1926, Surat daripada A. Caldecott. Ag. Controller of Malaya, 27 Julai 1927, hlm. 1.
- <sup>64</sup> *Ibid.*, hlm. 1-3.
- <sup>65</sup> *Ibid.*
- <sup>66</sup> Education of Tamil Coolie Children on Estate, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Selangor Secretariat File 3996/1913, hlm. 2.
- <sup>67</sup> *Annual Report On Education In Selangor For The Year 1923*, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Selangor Secretariat File 951/1924, hlm. Part.V. Tamil School.
- <sup>68</sup> CO 273/579, *Straits Settlements, Annual Report On Education In The Straits Settlements For The Year 1931*, hlm. 20-21.
- <sup>69</sup> CO 273/534, Education On Estates, Memorandum, Excerpts from the “Swathesamitthiran” forwarded with Section of States F.M.S. Despatch No. 307, dated 9<sup>th</sup> June 1926, Surat daripada A. Caldecott. Ag. Controller of Malaya, 27 Julai 1927, hlm. 1.
- <sup>70</sup> K. Mohamed Ali, ‘The Education of The Estate Worker’s Children’, *Tamil Oli*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1963, hlm. 22.